



Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/05/25/0441 (14)
Tarikh : 9 Jun 2025

ENCIK WONG HEONG WAI

3, Jalan Chusan,
Taman Victoria,
30250 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tuan/Puan,

PROJEK / KERJA : PERMOHONAN CADANGAN BEKALAN ELEKTRIK DI 3, JLN CHUSAN, TMN VICTORIA, 30250 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN WONG HEONG WAI
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT


Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Bandaraya Ipoh dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 1,020.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf kepada Majlis Bandaraya Ipoh.
ii.	Menjelaskan bayaran wang cagaran sebanyak RM 500.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf (wang akan dikembalikan setelah 12 bulan kerja siap) kepada Majlis Bandaraya Ipoh.
iii.	Kerja korekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara <i>clean-cut with diamond cutter</i> atau seumpama dengannya. Penggunaan jentera pengorek secara terus adalah tidak dibenarkan.
iv.	Lebar korekan adalah sekurang-kurangnya sama lebar dengan <i>compactor</i> (600mm).
v.	Turapan semula jalan hendaklah dibuat dengan kelebaran korekan jalan yang terlibat sahaja.

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakannya kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga **tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "Defected Liability Period" (DLP)**. Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*), **Yang DiPertua Majlis Bandaraya Ipoh serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.**



Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/05/25/0441 (14)
Tarikh : 9 Jun 2025

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN CADANGAN BEKALAN ELEKTRIK DI 3, JLN
CHUSAN, TMN VICTORIA, 30250 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
UNTUK TETUAN WONG HEONG WAI**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

5. Bersama-sama ini disertakan **Borang Permohonan Mendapatkan Kelulusan Serta Permit Bagi Kerja di dalam Rizab Jalan Majlis Bandaraya Ipoh dan Borang Bayaran Wang Cagaran** untuk tindakan selanjutnya oleh pihak Tuan/Puan. (Cek perlu disediakan secara berasingan)

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin lalu ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan **(180 hari) sahaja** dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat -syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan yang baru kepada pihak kami.

8. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Nur Izzati Syazwani Binti Abdul Halim** di talian **010-3800883** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)

Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan
OSA/05062025/Wan/izzati



Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/05/25/0441 (14)
Tarikh : 9 Jun 2025

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN CADANGAN BEKALAN ELEKTRIK DI 3, JLN
CHUSAN, TMN VICTORIA, 30250 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
UNTUK TETUAN WONG HEONG WAI**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Salinan kepada:

1. PENGARAH KEJURUTERAAN BANDARAYA

Majlis Bandaraya Ipoh,
Jalan Sultan Abdul Jalil,
Greentown,
30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p: Bahagian Kejuruteraan Infra)

2. MOKHTAR CONSULT & ASSOCIATES

No 9A-11A, Jalan Chung Thye Phin,
30250 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p : Encik Cheng Kok Jor)